

THREE LEGS TINEA-KARE ANTI-FUNGAL CREAM 1%W/W

Clotrimazole 1% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream
2. Bagaimana Tinea-Kare Anti-Fungal Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream
4. Cara menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream
5. Semasa menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

Ia digunakan untuk merawat:

- Semua dermatomikosis yang disebabkan oleh dermatofit (Trichophyton sepsis) seperti kaki atlet (Tinea pedis), gatal pangkal paha (Tinea cruris) dan kurap (Tinea corporis)
- Semua dermatomikosis disebabkan oleh yis (Candida spesies) seperti Candida vulvitis, Candida balanitis
- Dermatomikosis yang disebabkan oleh kulat dan fungus yang lain
- Penyakit kulit yang mempunyai jangkitan sekunder oleh fungus

Bagaimana Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

Ia mengandungi Clotrimazole yang merupakan ejen anti-kulat yang melawan punca jangkitan kulat.

Sebelum menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna jika anda alah terhadap clotrimazole atau bahan- bahan lain yang terkandung dalam Tinea-Kare Anti-Fungal Cream.

- Sebelum menggunakan

Jangan pakai pakaian oklusif selepas sapu ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor.

Keselamatan untuk digunakan semasa kehamilan dan penyusuan belum ditubuhkan.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda sedang mengandung atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tinea-Kare Anti-Fungal Cream adalah untuk aplikasi topikal dan biasanya akan mempunyai kesan minimum ke atas ubat-ubatan lain. Namun, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Umum: Basuh dan keringkan bahagian yang dijangkiti. Sapukan lapisan nipis krim dengan sekata di bahagian yang dijangkiti dua kali sehari.

Rawatan perlu diteruskan 2- 4 minggu selepas kehilangan semua tanda- tanda jangkitan untuk memastikan penyembuhan yang sempurna dan mengelakkan jangkitan berulang.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak Tinea-Kare Anti-Fungal Cream, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat keracunan segera.

Semasa menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, sehingga kursus rawatan yang ditetapkan habis.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Tinea-Kare Anti-Fungal Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Basuh tangan anda selepas menggunakan ubat.

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa- apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream.

Kesan- kesan Sampingan

Tindak balas setempat termasuk iritasi, sensasi panas, dermatitis kontak, lepuh, edema, eritema, pengelupasan kulit, gatal- gatal, urtikaria dan sengatan kulit.

Seperti semua ubat, Tinea-Kare Anti-Fungal Cream boleh menyebabkan kesan- kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan menghidapinya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

THREE LEGS TINEA-KARE ANTI-FUNGAL CREAM 1% W/W

Clotrimazole 1% w/w

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Tinea-Kare Anti-Fungal Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih, mudah disapu, melekit dan bau terciri.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Clotrimazole

- Bahan tidak aktif
Cetomacrogol, cetostearyl alcohol, liquid paraffin, chlorocresol

- Nombor MAL

MAL13115221XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

07/07/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200706/479